

28/04/1997

Guna semua media perbaiki imej Islam (HL)

KUALA LUMPUR, Ahad - Simposium antarabangsa mengenai Dunia Islam dan Kerjasama Global yang berakhir di sini semalam menyarankan Malaysia mempelopori usaha memperbaiki imej Islam melalui rangkaian media bagi menepis segala tindak-tanduk media Barat yang sentiasa berusaha memburukkan Islam pada kaca mata dunia.

Simposium itu merumuskan agar Malaysia memulakan usaha membentuk minda masyarakat dunia yang kini mendapat gambaran mengenai Islam hanya melalui media Barat yang kebanyakannya dikuasai bukan Islam.

Hampir semua peserta simposium berpendapat bahawa Malaysia mampu mempelopori negara lain bagi membetulkan imej Islam menerusi media kerana negara ini mempunyai kepakaran berbuat demikian.

Saranan simposium itu dinyatakan oleh Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid kepada pemberita selepas menghadiri majlis penutup simposium anjuran IKIM dan Oxford Centre For Islamic Studies itu.

Simposium yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Jumaat lalu disertai 150 peserta mewakili ahli politik, golongan korporat, pegawai kerajaan dan wartawan dari beberapa buah negara.

Antara lain Dr Mahathir mencadangkan media negara Islam turut menyebut 'pengganas Kristian' atau 'pengganas Katolik' ketika merujuk keganasan yang dilakukan oleh bukan Islam.

Menurut Perdana Menteri langkah itu wajar kerana media Barat sering mengaitkan setiap keganasan yang dilakukan oleh orang Islam sebagai pengganas Islam.

Peserta simposium berpendapat dunia Islam tidak mendapat gambaran yang baik dalam media yang dikuasai bukan Islam mungkin kerana salah faham mereka mengenai prinsip Islam atau memang disengajakan.

Oleh itu, mereka yakin Malaysia mampu menjuarai langkah ini kerana negara ini mendapat pendedahan dan pengetahuan yang mendalam dalam bidang itu terutama melalui Internet dan projek Koridor Raya Multimedia (MSC) yang giat dilaksanakan.

Mengenai konsep ekonomi Islam yang turut dibincangkan di simposium itu, Sarji berkata cadangan dibuat untuk mengadakan kajian mengenai kejayaan negara Islam yang dapat membangunkan Islam dengan berkesan melalui program ekonomi masing-masing.

Peserta memberi contoh Malaysia yang berjaya mengamalkan konsep Islam melalui penubuhan institusi seperti Bank Islam, Sekuriti Islam, Lembaga Urusan dan Tabung Haji (Tabung Haji), Insurans Takaful dan Universiti Islam Antarabangsa.

Mereka juga mencadangkan supaya diadakan pertukaran antara usahawan muda, golongan akademik dan belia dari negara-negara Islam dan bukan Islam, bagi memberi peluang kepada mereka mendalami isu toleransi dan pergaulan antara kaum.

Selain itu, peranan wanita dalam konteks pembangunan negara turut disentuh oleh peserta yang berpendapat mereka perlu diberi peranan sewajarnya dalam memajukan negara.

(END)